



**CLEOPATRA** (tiga dari kanan) **Norhanizah** (dua kanan) dan **Che Din** (dua kiri) bergambar kenangan bersama peserta kursus berkenaan.  
*UB 19-04-2012 B4*

## *Bahagian Hal Ehwal Pelajar anjur Kursus Ketrampilan Diri dan Imej*

LABUAN: Dalam usaha membina personaliti dan meningkatkan imej sendiri dalam kalangan pelajar khususnya pelajar UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah mengadakan kursus Ketrampilan Diri dan Imej di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11 Bangunan Menara, UMS Kampus

Antarabangsa Labuan, baru-baru ini. Kursus yang disertai oleh 30 pelajar itu telah dikendalikan oleh Cleopatra @ Clare Asing, Pegawai Tadbir di Unit Kemahiran, Kementerian Pembangunan Sumber Manusia dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah yang juga Konsultan D'Imege Maker, Kota Kinabalu.

Peserta kursus telah diberi pendedahan dan tunjuk ajar kaedah penampilan diri secara profesional dan juga mengenal potensi diri dan cara menggilapnya. Penolong Pendaftar Kanan HEP, Norhanizah Adnan berharap pelajar akan mendapat inspirasi dan motivasi sendiri dalam peningkatan kerjaya

dan hidup di samping kecemerlangan akademik selepas menamatkan pengajian kelak hasil daripada penyertaan kursus berkenaan. Majlis penyampaian sijil penyertaan disempurnakan oleh Cleopatra yang turut dihadiri Penyelaras Program Che Din Md Salleh dan Mohd Azlan Ghani